



## MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

1. (a) SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN
- (b) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
- (c) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUBATAN DAN KESIHATAN
- (d) GRED : U5

2. JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,650.00	RM6,620.00	RM145.00

3. SYARAT LANTIKAN

- 3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

### KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U5

- (a) Diploma dalam bidang Kesihatan Persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,974.00).

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. TARAF JAWATAN

- : KONTRAK

## **CARA-CARA PERMOHONAN**

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Pontian atau boleh dimuat turun di laman web: <http://www.mppn.gov.my>.
2. Borang permohonan hendaklah ditampal dengan sekeping gambar berukuran pasport dan disertakan dokumen-dokumen berikut yang telah diakui sah:-
  - 1.1 Ringkasan latar belakang pendidikan, pekerjaan dan penglibatan luar (Resume)
  - 1.2 Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran
  - 1.3 Salinan Sijil-Sijil Akademik (IJAZAH/DIPLOMA/STPM/SPM/PMR/PT3/UPSR)
  - 1.4 Salinan Sijil Berhenti Sekolah
  - 1.5 Salinan Lesen Memandu
  - 1.6 Gambar berukuran pasport terbaru.
  - 1.7 Salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>
3. Permohonan dari calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilain Prestasi Tahunan terkini.
4. Semua pemohon yang disenarai pendek perlu mengambil ujian-ujian yang berkaitan berdasarkan jawatan yang dipohon. Hanya calon yang layak dan melepasi ujian-ujian tersebut akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
5. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan kaunseling.
6. Borang permohonan jawatan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN  
JALAN ALSAGOFF  
82000 PONTIAN**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 12 MEI 2026**

**PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK :**

1. Borang permohonan yang tidak lengkap.
2. Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap.
3. Tidak mengemukakan permohonan melalui ketua Jabatan bagi kakitangan kerajaan.
4. Borang permohonan diterima selepas tarikh tutup iklan.
5. Permohonan tidak memenuhi/ tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.